

**B**ajet universiti 2016 semakin mengecil, langkah ini adalah salah satu persiapan menjadikan institusi pendidikan negara lebih efisien. Pengurangan bajet juga difikirkan perlu bagi memastikan institusi itu terus berdaya saing untuk menjana dan bergerak sendiri selaras matlamat kerajaan menyasarkan kedudukan universiti awam 100 universiti terbaik dunia menjelang 2025.

Secara asasnya langkah awal yang diumumkan kerajaan ini walaupun menerima reaksi kurang yakin daripada beberapa golongan, ia pasti dilaksanakan juga.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Menteri, Datuk Seri Idris Jusoh dalam kenyataan juga menyuarakan kebergantungan universiti awam (UA) di Malaysia kepada kerajaan adalah terlalu tinggi. Ini adalah satu keadaan yang tidak mampan dalam jangka masa panjang. Kos untuk setiap pelajar juga adalah tinggi dibandingkan dengan universiti swasta.

Idris memberi contoh, Universiti Thammasat di Thailand hanya bergantung lebih kurang 30 peratus kepada kerajaan dalam bajet tahunan mereka, manakala Imperial College London di paras lebih kurang 40 peratus.

"Pada purata kita boleh katakan kadar kebergantungan universiti di negara kepada kerajaan adalah 50 peratus. Kebergantungan UA kita adalah di tahap 75 hingga 95 peratus," katanya.

Tambah Idris juga, di samping usaha-usaha untuk mengurangkan kos terutama dalam emolument, UA boleh menggunakan aset di samping

# Bajet universiti berkurang

Pentadbir universiti sambut baik saranan kerajaan, rangka strategi jana pendapatan sendiri.

kepakaran mereka sebagai perunding.

"UA boleh meningkatkan kerjasama dengan alumni menganjur majlis kutipan dana dan meningkatkan daya sumber mereka. Kerajaan juga sedang memudah cara dan meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam penyelidikan, pengkomersialan, keusahawanan dan penjana dana.

"Walaupun bagaimanapun, kami sedang meneliti bajet untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D). R&D penting bagi mewujudkan ilmu baharu untuk terus memacu lonjakan prestasi universiti di peringkat antarabangsa," katanya.

Reaksi daripada beberapa pentadbir

universiti semuanya menyambut baik usaha ini. Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tan Sri Prof Dr Sahol Hamid Abu Bakar berkata mandat yang diberikan KPT supaya universiti awam mencari 30 peratus sumber kewangan sejak dua tahun lepas mampu melebar luaskan usaha menjana dana tersebut.

"Selain kursus, penerangan dan sumber yang diberikan kementerian, UiTM mantap dengan barisan pakar-pakar yang berkebolehan untuk meningkatkan usaha mendapatkan dana dan peruntukan bagi universiti.

"Walaupun UiTM masih belum

capai kadar 30 peratus itu, namun dengan sumber, syarikat pemegang dan tempoh masa yang lebih panjang, universiti ini dan semua universiti awam mempunyai kebolehan menjana pendapatannya sendiri," katanya dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun, katanya, UiTM tetap bersyukur kerana kerajaan masih memberi peruntukan kepada sektor institusi pengajian tinggi dalam pembentangan Bajet 2016 demi meneruskan agenda perjuangan bangsa.

Tegas Sahol Hamid, kadar yuran pengajian tidak dinaikkan kerana UiTM masih mempunyai pelbagai inisiatif lain.

## Berhemah dalam berbelanja

**PENGURANGAN** peruntukan kepada universiti awam dalam Bajet 2016 tidak menghalang Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) memperkasakan bidang akademik dan meneruskan kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.

Pengurangan peruntukan kewangan yang diterima Usim seperti rakan-rakan universiti awam lain tidak akan memberi impak kepada kenaikan kadar yuran universiti tahun hadapan seperti yang dibimbangi masyarakat terutama ibu bapa dan mahasiswa.

Pengurusan universiti melihat tiada keperluan menaikkan yuran pada masa kini bagi menampung kekangan peruntukan yang diterima kerana universiti mempunyai perancangan strategik dalam mendepani cabaran kewangan tahun hadapan.

Menurut Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, antara fokus strategik yang akan dijalankan adalah melaksanakan usaha bagi memastikan perbelanjaan berhemah dipraktikkan dalam kalangan warga Usim antaranya, penjimatan pengurusan kos utiliti dan penyelenggaraan kerosakan aset universiti.

"Sejak 2013 lagi, Usim telah mengambil pendekatan menggalakkan penjana kewangan dalam kalangan fakulti dan pusat tanggungjawab di Usim melalui penubuhan Tabung Enterprise.

"Langkah ini mendapat sambutan yang baik dan secara tidak langsung membudayakan



PROF DATUK DR MUSA

jabatan-jabatan di Usim mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kewangan universiti," jelasnya.

Dr Musa berkata, universiti akan terus memperkasakan syarikat induk miliknya, Usim Tjajah Holdings Sdn Bhd, lapangan perniagaan baharu yang menguntungkan akan giat diterokai selepas ini untuk memastikan syarikat terus berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

Tambahnya, penawaran program akademik yang lebih berdaya saing dan kompetitif di peringkat antarabangsa akan menarik dan meningkatkan jumlah kemasukan pelajar antarabangsa.

Dalam memastikan kelestarian kewangan universiti terus diperteguhkan, Usim juga akan terus melaksana projek berasaskan wakaf dan *endowment*.

"Kita mempunyai pelbagai program pasca-siswazah yang bernilai tinggi dalam pasaran dan kelebihan ini akan dimanfaatkan sebaiknya untuk meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar baharu tahun hadapan melalui promosi pendidikan berterusan oleh Pusat Pengajian Siswazah.

"Malah penawaran program pendidikan secara *online* juga akan diperkasa di peringkat serantau dalam memudahkan kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti ini di samping menggerakkan wakaf tunai," katanya.

## UTeM optimumkan pengurusan sumber

**UTeM** terus optimis dalam perancangan operasi universiti bagi 2016 melalui peruntukan bajet kepada sektor pendidikan tinggi. Universiti itu turut menzahirkan rasa syukur kerana institusi pendidikan tinggi berasaskan teknikal dan vokasional atau TVET terus mendapat perhatian dan diberi keutamaan dalam perancangan perbelanjaan negara.

Menurut Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib, universiti itu telah memulakan inisiatif perbelanjaan berhemah sejak beberapa tahun yang lalu selaras saranan KPT bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan.

Sebagai universiti teknikal berautonomi juga, UTeM telah merangka beberapa perancangan khusus bagi menjana pendapatan melalui inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada kelestarian kewangan melalui sumber-sumber dalaman.

UTeM telah menubuhkan Jawatankuasa Penjana Pendapatan bertujuan mengenal pasti aktiviti penjana pendapatan khususnya melalui penyewaan ruang dan sumber, mempergiat aktiviti bagi tujuan wakaf atau *endowment* serta menyebarkan luas aktiviti perundingan melalui anak syarikatnya, UTeM Holdings dan Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat.

"UTeM juga tidak akan menaikkan yuran pelajar berikutan pengurangan bajet universiti itu tahun depan. UTeM akan meneruskan usaha perbelanjaan berhemah dan mengoptimumkan penggunaan sumber dalaman selaras keadaan masa kini tanpa perlu berkompromi faktor kelesaan serta kebajikan pelajar.

"Saya yakin dan percaya dengan perancangan yang mampan, UTeM akan terus *soaring upwards* menuju 2016," katanya.



PROF SHAHRIN